

# Perayaan besar masyarakat pelbagai kaum kukuhkan semangat perpaduan sedia ada

NST 29/10/2011 8

KOTA KINABALU: Perayaan-perayaan besar masyarakat pelbagai kaum dan agama di negeri ini dapat mengukuhkan lagi semangat perpaduan dan persefahaman yang sudah sedia terjalin di kalangan rakyat di Sabah.

Pengerusi Badan Perhubungan MIC Sabah Datuk V.Jothi berkata selain itu ia juga dapat mengikis sikap pentingkan diri sendiri dan menjamin keharmonian dan keamanan negara.

“Masyarakat majmuk Malaysia menyambut perayaan Deepavali setiap musim perayaan sama seperti perayaan lain seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Pesta Keamatan, Hari Krismas dan perayaan-perayaan lain.

“Oleh itu semangat perpaduan yang terjalin daripada sambutan perayaan-perayaan besar seperti ini harus dikekalkan bagi memastikan rakyat negara ini terus hidup dalam keadaan aman damai,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Theebangal 2011, di Dewan Maksak Likas, di sini, baru-baru ini.

Program itu adalah anjuran Sekretariat Kesenian, Kebudayaan dan Warisan India (SEKWI), Universiti Malaysia Sabah (UMS) sesi 2011/2012.

Theebangal adalah aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh SEKWI sempena perayaan Hari Deepavali.

Jothi berkata, program ini merupakan salah satu cara untuk mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan mahasiswi India di UMS.

“Di samping itu, ia juga dapat mengisi kekosongan dalam hati mahasiswa dan mahasiswi yang tidak dapat meraikan Hari Deepavali bersama keluarga tersayang di Semenanjung Malaysia.

“Saya berharap “Program Theebangal 2011” akan dapat memupuk perasaan perpaduan dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi UMS,” katanya. - **OLEH MARRYAN RAZAN** (marrayan@newsabahtimes.com.my)



PERAYAAN ... Jothi bergambar bersama mahasiswa dan siswi India UMS.